

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 23/7/2010



> SUARA BLOG

UM\_23/07/2010

## Perpaduan UMNO-Pas dan kisah Jho Low

ISU perpaduan antara UMNO dan Pas terus dikupas oleh kalangan penulis blog minggu ini. Manakala kisah Taek Jho Low, jutawan muda Malaysia yang dikatakan boros berbelanja dan hidup mewah di luar negara serta menjadi teman lelaki selebriti Hollywood, Paris Hilton turut mendapat perhatian beberapa penulis.

Hamidah Osman (*hamidahosman.blogspot.com*) berkata, masyarakat sudah tidak sabar untuk melihat UMNO dan Pas bekerjasama kerana sedar keputusan tersebut akan mengubah landskap politik tanah air, sekali gus mempengaruhi kehidupan, ekonomi dan imej negara.

Bagaimanapun, katanya, impian tersebut masih samar memandangkan ada pihak-pihak yang begitu ego dengan prinsip parti mereka serta yakin mereka bakal memperoleh kemenangan dalam pilihan raya akan datang.

“UMNO sejak dahulu lagi tidak menolak kepada perbincangan tanpa syarat, sementara Pas terus menolak perbincangan ke arah percantuman kedua-dua parti itu atau kerajaan perpaduan. Sudah terlalu lama kita dalam kecelaruan. Sudah tiba masanya kita selesaikan persoalan ini dengan ikhlas,” katanya.

Penulis blog *Putra Merdeka* (*politikputramerdeka.blogspot.com*) pula berharap kedua-dua pihak mengetepikan ego masing-masing dan meletakkan kepentingan agama dan bangsa di hadapan.

Katanya, UMNO dan Pas seharusnya membentuk barisan perunding masing-masing yang terdiri daripada mereka yang sejuk hati dan jiwa agar kerjasama dan pemuafakatan dapat dijayakan.

“UMNO dan Pas perlu terbuka! Tiada apa yang perlu disembunyikan! Nyatakan secara terbuka akan usaha dan gerakan untuk duduk berunding.

“Tiada apa yang perlu disorok, tiada apa yang perlu disegani, jauh sekali ditakuti. Ini negara Melayu! Ini negara orang Islam! Apa pun duduk dulu, yang lain akan datang kemudian, insya-Allah,” katanya.

Penulis blog *Pisau* (*www.pisau.net*) pula berkata, dalam situasi dan suhu politik sekarang, beliau tidak langsung mengharapkan wujudnya perpaduan di antara dua parti Melayu ini. Katanya, jalan ke arah tersebut dikaburkan oleh fahaman politik kebencian yang tiada kesudahan sejak dahulu lagi sehingga sekarang, seolah-olah tiada jalan lain untuk bersatu melain apabila sudah rebah.

“Jika benar-benar tidak mahukan perpaduan, maka lebih elok hentikan saja retorik yang membuang masa, jika mahu berperang dan bergaduh, biar bergaduh bersungguh-sungguh, Pas atau UMNO, salah satu akan hancur.

“Jika Melayu nak menikam sesama sendiri biar buat betul-betul, jangan hanya pandai bising ibarat tin kosong. Apa perlunya sesama Melayu terhegeh-hegeh nakan perpaduan?” katanya.

Kata penulis, UMNO yang dianggap parti hina tidak perlu bekerjasama dengan Pas memandangkan selama 50 tahun, UMNO ‘tidak pernah’ melakukan apa-apa untuk negara, melainkan kemusnahan sahaja.

“Pisau sarankan Nik Aziz keluarkan fatwa haram bekerjasama dengan UMNO, agar mudah menjadi panduan kepada semua pemimpin yang ada,” katanya.

Khairul Rizal Osman dalam *Cucu Tok Selampit* (*khairulryezal.blogspot.com*) senada mempersoalkan UMNO yang masih merendah diri semata-mata untuk bekerjasama dengan Pas yang sering menghina UMNO. Katanya, jika isu perpaduan UMNO-Pas hanya menimbulkan lebih banyak pertelingkahan dalam kalangan ahli parti sendiri, maka sebaiknya usaha tersebut dihentikan.

“Pas sudah menentukan haluan dan corak hidupnya sendiri dan UMNO sewajarnya menghormatinya.

“Kita harus merenung dan merencana masa depan orang-orang Melayu dan Islam walaupun parti UMNO dan Pas masing-masing berbeza jalan yang dilalui. Mungkin inilah yang terbaik boleh dilakukan oleh kedua-dua pihak,” katanya.

Berhubung kisah Jho Low, Ahirudin Attan dalam *Rocky's Bru* (*rockybru.com.my*) berkata, pejabat Perdana Menteri perlu memberi penjelasan berhubung dakwaan bahawa pemuda ini mempunyai hubungan akrab dengan Perdana Menteri.

Ini kerana, katanya, walaupun nama beliau begitu dikenali dari New York hingga ke Paris, tetapi masyarakat di Malaysia sendiri tidak mengenali beliau.

“Kalangan ahli perniagaan antarabangsa, dari New York hingga ke Paris dan Josberg begitu mengenali Jho Low tetapi tidak bagi kebanyakan rakyat Malaysia.

“Apabila rakyat kita berkata mengenai Jho Low, mereka berbisik. Ada yang berkata dia rapat dengan Perdana Menteri. Benar atau tidak, Pejabat PM perlu memberi penjelasan,” katanya.

Penulis blog *Mummy Rokiah* (*mummyrokiah.blogspot.com*) pula berkata, Jho Low yang juga Ahli Lembaga Pengarah UBG Bhd. adalah contoh kekayaan, kemakmuran dan kemewahan negara ini telah memberi kenikmatan bukan hanya kepada kaum Bumiputera tetapi turut dikecapi kaum lain.

Katanya, Dasar Ekonomi Baru bukan sahaja telah memperkayakan kaum Bumiputera tetapi ketirisannya turut dikecapi oleh semua kaum, khususnya kaum Cina.

“Generasi muda kaum Cina hari ini bukan sahaja berkelulusan dari universiti terkemuka tetapi mempunyai keyakinan yang tinggi sehingga mampu ‘joli’ (berseronok) dan bermewah-mewah sebaris dengan selebriti Hollywood.

“Manakala kekayaan anak-anak muda Melayu masih lagi ketinggalan dan mereka masih lagi malu-malu dan hanya mampu setakat bermain-main dengan artis-artis murahan tempatan,” katanya.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL  
lukman.ismail@utusan.com.my